



## “HUDUD DARIPADA PERSPEKTIF ISLAM”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى  
اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ وَمَنْ  
يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا .  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ . اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ . أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ ! اتَّقُوا اللَّهَ ،  
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ . قَالَ  
اللَّهُ تَعَالَى : يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ .

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,



Saya berpesan kepada diri saya dan sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian. Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT. dengan sebenar-benarnya, dengan mengerjakan segala suruhannya dan meninggalkan segala larangannya. Mudah-mudahan Allah SWT. mengurniakan rahmat-Nya kepada kita untuk memperoleh kebahagiaan hidup didunia dan keredhaan-Nya di akhirat.

Mimbar Jumaat hari ini terpanggil untuk menjelaskan perkara yang amat penting iaitu : "**HUDUD DARIPADA PERSPEKTIF ISLAM**".

### **Sidang Jumaat yang dirahmati sekalian,**

Isu hudud sering menjdai polemic yang tenggelam timbul secara bermusim dalam masyarakat. Hampir semua pihak tanpa mengira latar belakang turut bercakap tentang hudud, sehingga menimbulkan persepsi buruk terhadap ketetapan hokum Allah SWT. tersebut.

Perkataan hudud bermakna had atau sempadan, batas-batas atau sekatan. Dari segi istilah syarak pula bermakna hukuman yang telah ditentukan oleh Allah SWT. dalam al-Quran dan as-Sunnah. Ia adalah hak Allah SWT. yang tidak boleh diubah, dipinda, ditambah atau dikurangkan. Bagaimanapun pelaksanaannya memerlukan persediaan yang cukup rapi, seperti dari segi kefahaman masyarakat, dari segi prasarana perundangan dan penghakiman serta kompetensi pihak-pihak yang diamanahkan.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Perkataan hudud disebut sebanyak sebelas kali didalam al-Quran. Hamper semuanya mendukung makna dan tafsiran sebagai batas-batas hukum (syariat) Allah. Ini meliputi soal solat, puasa, perceraian, iddah, zihar, faraid, pusaka dan lain-lain lagi.



Firman Allah SWT. dalam surah an-Nisa ayat 13-14 :

تِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ يُدْخِلْهُ  
جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ  
فِيهَا وَذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴿١٣﴾ وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ  
وَرَسُولَهُ وَيَتَعَدَّ حُدُودَهُ يُدْخِلْهُ نَارًا خَالِدًا فِيهَا  
وَلَهُ عَذَابٌ مُهِينٌ ﴿١٤﴾

*"Segala hukum yang tersebut adalah batas-batas (syariat) Allah. Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, akan dimasukkan oleh Allah ke dalam syurga yang mengalir dari bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya; dan itulah kejayaan yang amat besar. Dan sesiapa yang derhaka kepada Allah dan Rasul-Nya, dan melampaui batas-batas syariat-Nya, akan dimasukkan oleh Allah ke dalam api neraka, kekallah dia di dalamnya, dan baginya azab seksa yang amat menghina".*

Perkataan hudud dalam ayat tersebut diulang sebanyak dua kali, namun ia langsung tidak merujuk kepada aspek jenayah syariah. Ini kerana hudud mempunyai pengertian yang luas, meliputi semua hukum taklifi yang wajib diikuti dan dihindari. Sebenarnya kewajipan beribadat seperti solat, puasa, zakat dan sebagainya juga merupakan suatu kepatuhan hukum dan peraturan-peraturan atau undang-undang Allah SWT. Ia tidak terbatas kepada undang-undang jenayah syariah semata-mata. Justeru sebagai



orang Islam hakikatnya kita telah melaksanakan sebahagian besar hukum dan peraturan atau undang-undang tersebut setiap hari tanpa menyebutkan istilah hudud.

Mengapa hari ini timbul persepsi sempit yang jauh menyimpang apabila disebut perkataan hudud, sehingga menimbulkan polemik yang membawa fitnah kepada syariat Islam itu sendiri, malah kepada Islam pada keseluruhannya. Yang terlintas difikiran mereka hanyalah kekerasan dan kekejaman. Sedangkan hudud seperti yang dijelaskan tadi adalah had, batas-batas hukum atau sempadan.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati sekalian,**

Mari kita telusuri situasi undang-undang sekarang yang sedang berjalan dan diperjuangkan diseluruh dunia. Atas nama keadilan dan hak asasi, semacam ada usaha untuk meringan-ringankan hukuman keatas penjenayah-penjenayah. Bahkan ada antara perbuatan jenayah yang diiktiraf sebagai *charity* (kebajikan). Mereka melakukan jenayah (melanggar hukum dalam pelbagai kesalahan) dibenarkan berpersatuan, diberi galakan pembelaan melalui institusi guaman. Keadaan ini telah menyebabkan matlamat untuk membasmi perbuatan jenayah semakin sukar. Penguatkuasaan undang-undang pula lebih difokuskan kepada persoalan teknikal bagi menentukan sesuatu sabitan, dan bukan kean jenayah yang dilakukan yang menjadi ancaman kepada kesejahteraan awam.

Inilah bentuk undang-undang ciptaan manusia yang cuba menampilkan kelembutan dan kasih saying, kononnya lenih berperni kemanusiaan, tetapi dalam masa yang sama member muka kepada penjenayah yang akhirnya mereka dengan sewenang-wenang bergerak dengan lebih aktif lagi. Negara



sejahtera, aman dan makmur yang diidam-idamkan sentiasa menemui persimpangan jalan yang susah diramal.

Sesungguhnya kebimbangan masyarakat tentang keselamatan diri, keluarga dan harta benda ada asanya. Lantas rumah-rumah kediaman terpaksa bergiril, walaupun menyedari ada risiko sekiranya berlaku kebakaran. Selain pemasangan CCTV dan alat penggera bunyi, hari ini taman-tamna perumahan juga terpaksa dipagar disamping mengupah agensi kawalan keselamatan untuk mengawal laluan keluar masuk. Walaupun terpaksa menanggung kos yang membebankan serta menyusahkan penghuni dan pngunjung, ia telah menjadi suatu keperluan walaupun yang sebenarnya ia juga tiada jaminan sepenuhnya dari segi keselamatan.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT. sekalian,**

Konsep perundangan seperti inilah letaknya tidak sealiran dengan perundangan Islam, yang ditentukan oleh Allah SWT.

Firman Allah SWT. dalam surah an-Nur ayat 2:

... وَلَا تَأْخُذْكُمْ بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ  
بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ...

*"...dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap keduanya (pesalah) dalam menjalankan hukum Allah, jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat..."*

Konsep meringan-ringankan hukuman serta member ruang yang banyak kepada penjenayah, sebaliknya mengecam perundangan Islam



sebagai keras dan kejam adalah tidak benar sama sekali. Kalaupun kita terima perundangan Islam sebagai keras, ia adalah kerana hendak melihat kesannya. Bagaimanapun kerasnya, ia tidak secara mutlak, kerana disamping kelihatan keras, ia cukup berhikmah. Hikmah mempunyai pengertian yang amat luas dan ia adalah milik Allah SWT. adalah sesuatu yang tidak boleh diterima oleh akal, Allah SWT. tersalah menentukan dan meletakkan hikmah didalam peaturannya. Dan adalah mustahil Allah SWT melakukan aniaya dan kezaliman, sedangkan Allah sendiri mengharamkan kezaliman atas diri-Nya. Sesungguhnya rahmat Allah SWT. mengatasi kemurkaannya.

Dengan lain perkataan, ia memang kelihatan keras. Tetapi keras yang penuh dengan rahmat. Tidak mudah untuk melaksanakan sesuatu hukuman. Ia sangat terikat dengan berbagai syarat yang amat ketat, sehingga jika tidak dapat dipenuhi, maka kes berkenaan akan gugur begitu sahaja. Ini termasuk hukuman rejam kerana berzina dan hukuman bunuh kerana murtad. Walaupun kedua-dua hukuman ini dianggap paling berat, ia masih ada peluang yang mudah untuk mendapat pembebasan. Bagi pesalah zina apabila ia menarik balik pengakuannya (iqrar) bersalahan dan bagi pesalah murtad apabila ia bertaubat. Tegasnya kedua-dua kes tersebut akan gugur, hanya dengan menarik balik pengakuan atau dengan bertaubat.

Daripada perspektif tersebut jelas menunjukkan bahawa hukuman bukanlah matlamat bagi perundangan jenayah syariah yang meliputi hudud. Ini kerana perundangan tersebut lebih mementingkan kesan pencegahan daripada hukuman yang telah ditetapkan. Dengan lain perkataan hukuman dalam Islam adalah suatu proses pendidikan dan asuhan untuk membersihkan hati supaya terdorong kepada kebajikan (bukan keburukan



seperti jenayah). Inilah kesan yang hendak disasarkan melalui perundangan tersebut, iaitu kesan psikologi.

Berhubung dengan hukuman rejam, potong tangan dan bunuh memanglah ia mengerikan, tetapi bukannya kesan ngeri itu akan menyebabkan orang akan berfikir seribu kali sebelum melakukannya. Inilah kesan pencegahan yang lahir daripada peringkat-peringkat hukuman. Jika sekiranya kecil, maka kecillah kesan (kengeriannya)\_ dan jika besar maka besarlah kesannya. Inilah yang diisyaratkan oleh Allah SWT. dalam al-Quran bagi kes potong tangan kepada pencuri sebagai " نَكَالًا مِّنَ اللَّهِ " yakni siksaan daripada Allah SWT. wajarkah siksaan daripada Allah itu kita sifatkan sebagai kejam atau siapakah sebenarnya yang bersikap kejam dan hakikatnya kekejaman itulah yang akhirnya akan kembali kepada dirinya sendiri. Allah SWT. tidak bertambah mulia atau sebaliknya dengan sebab perbuatan manusia, kerana Allah SWT telah sedia bersifat maha kaya lagi maha sempurna.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati sekalian,**

Pengajaran yang dapat diambil daripada khutbah ini, antaranya adalah:

1. Umat Islam hendaklah mempelajari dan mendalami pengertian hudud untuk mengelakkan salah faham yang boleh merosakkan akidah.
2. Umat Islam wajib mentaati peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT., bagi kesejahteraan hidup didunia dan akhirat.
3. Umat Islam hendaklah meyakini Allah SWT. bersifat maha mengetahui dan maha adil dalam menentukan sesuatu peraturan kehidupan manusia yang kaya dengan hikmah dan penuh dengan rahmat.



4. Umat Islam hendaklah menghindari daripada sikap suka mempertikai hukum-hukum Allah tanpa mengetahui kedudukan yang sebenarnya bagi mengelakkan kerosakan akidah yang bakal menerima balasan diakhirat kelak.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
إِنَّمَا كَانَ قَوْلَ الْمُؤْمِنِينَ إِذَا دُعُوا إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ  
لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ أَنْ يَقُولُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا وَأُولَئِكَ هُمُ  
الْمُفْلِحُونَ ﴿٥١﴾

*"Sesungguhnya perkataan yang diucapkan oleh orang-orang yang beriman ketika mereka diajak ke pada Kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya, supaya menjadi hakim memutuskan sesuatu di antara mereka, hanyalah mereka berkata: "kami dengar dan kami taat": dan mereka itulah orang-orang yang beroleh kejayaan".*

(an-Anur-5).





بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: 'إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ  
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ  
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ  
لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ



الأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ  
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَّا  
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ ، وَنَسْأَلُكَ  
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ  
بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ ،  
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ ، سُلْطَانَ  
شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ  
سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ .  
اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ ، تَعَكُّو أَمِيرِ  
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا



ذَٰلِجَلَالِ وَإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطِّلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ  
لِلْمُوْظِفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا  
لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ اَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ اَعْيُنٍ  
وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِيْنَ اِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْاٰخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ  
اللّٰهِ، اِنَّ اللّٰهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْاِحْسَانِ وَاِيتَايْ ذِي  
الْقُرْبٰى وَيَنْهٰى عَنِ الْفَحْشَآءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوْا اللّٰهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوْهُ عَلٰى  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاَسْأَلُوْهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللّٰهِ اَكْبَرُ وَاللّٰهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُوْنَ.